

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



## **BANK ISLAM LANTIK FIRDAOS ROSLI SEBAGAI KETUA AHLI EKONOMI**

**KUALA LUMPUR, Rabu, [7 September 2022]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) telah melantik Firdaos Rosli sebagai Ketua Ahli Ekonomi baharu bermula 1 September 2022. Beliau menggantikan Dr. Mohd Afzanizam Abdul Rashid.

Firdaos pernah berkhidmat sebagai Ketua Ahli Ekonomi di MARC Ratings Berhad. Sebelum berkhidmat dengan organisasi tersebut, beliau berkhidmat hampir 10 tahun dalam pelbagai kapasiti di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia, sebuah organisasi penyelidikan, bermula daripada Penganalisis Kanan (Ekonomi) ke Pengarah Ekonomi, Perdagangan dan Integrasi Serantau. Di awal kerjayanya, beliau juga pernah bertugas selama enam tahun di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Firdaos berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kesusasteraan (Perakaunan dan Kewangan) dari Universiti Lancaster, United Kingdom (UK). Beliau juga berkelulusan Sarjana dalam bidang Polisi Awam dari The London School of Economics and Political Science (LSE), UK, sebagai pemegang biasiswa Chevening.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Bank Islam merakamkan penghargaan kepada mantan Ketua Ahli Ekonomi, Dr. Mohd Afzanizam Abdul Rashid, atas sumbangan yang sangat bermakna kepada kemajuan Bank Islam sepanjang sembilan tahun beliau bersama kami. Kumpulan amat berbesar hati mengalu-alukan Firdaos sebagai Ketua Ahli Ekonomi baharu. Bersandarkan ilmu pengetahuan dan pengalaman luas beliau, kami mengharapkan sumbangan beliau ke arah pertumbuhan dan pengukuhan profil kami dalam kalangan institusi pemikir dan penggubal dasar."

---

### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)**

BIMB adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, BIMB mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, BIMB menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan BIMB adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan

kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan BIMB, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

**Untuk maklumat lanjut, sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan BIMB di:**  
[MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my](mailto:MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my)